

Tradewinds: Harga MSM dijangka kukuh

KUALA LUMPUR 29 Jun. – Tradewinds Corporation Bhd. (TCB) menjangka tinjauan pasaran minyak sawit mentah (MSM) dalam tahun ini menggalakkan dengan jangkaan bahawa harganya akan mengukuh.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Azlan Abdullah berkata jangkaan itu diperkuatkan dengan penghapusan kuota eksport minyak sawit oleh China, pelabelan lemak trans di Amerika Syarikat dan peningkatan permintaan global bagi mendapatkan biodiesel.

"Kami berharap harganya akan bertambah baik berbanding dalam tahun lalu seperti yang diharapkan oleh semua pihak," katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, Kumpulan TCB mencatatkan perolehan kumpulan yang disatukan RM1,449.2 juta, satu peningkatan 16.4 peratus berbanding dengan perolehan tahun sebelum ini sebanyak RM1,244.8 juta.

Peningkatan itu dijana hampir keseluruhannya oleh jualan yang tinggi gula bertapis, peningkatan jualan produk minyak sawit, peningkatan jualan bahagian hotel dan sumbangan perolehan dari bahagian hartanah dari hartanah yang baru diambil alihnya.

Bagaimanapun, kumpulan itu mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM4 juta, penurunan 97.4 peratus berbanding dengan tahun kewangan sebelum itu sebanyak RM151.6 juta.

Kemerosotan itu hampir keseluruhannya disebabkan kos yang tinggi gula mentah, harga jualan purata lebih rendah produk minyak sawit, kerugian RM68 juta dalam syarikat sekutu dan kerugian RM33.9 juta yang dicatatkan oleh hartanah, kilang dan peralatan.